

# Wang kertas baru RM50 untuk cegah pemalsuan

KOSMO 16/7/09 M/S 3

## Info 13 ciri keselamatan wang kertas baru RM50



1. Cetakan braille yang terasa bila disentuh
2. Potret dengan pandangan tiga dimensi
3. Imej songket dengan reka bentuk sama depan dan belakang
4. Imej angka 50 pelbagai warna
5. Cetakan intaglio wajah Yang di-Pertuan Agong yang pertama
6. Cetakan holografik bunga raya dan benang keselamatan



7. Teks dan logo menegak
8. Fiber keselamatan berwarna merah, kuning dan biru
9. Angka 50 yang tersembunyi dalam warna merah dan hijau
10. Nombor siri wang kertas timbul di bawah cahaya ultra ungu
- 11-13. Cetakan lukisan mikro

KUALA LUMPUR – Bank Negara Malaysia (BNM) mulai semalam mengeluarkan wang kertas RM50 reka bentuk baru yang menggabungkan pelbagai ciri keselamatan moden dan inovatif dengan tujuan utama untuk menghalang cubaan pemalsuan.

BNM dalam kenyataannya semalam menjelaskan, ia akan menggantikan wang kertas RM50 sedia ada secara berperingkat-peringkat.

BNM setakat ini belum menetapkan tempoh wang kertas RM50 sedia ada dihentikan pengeluarannya, namun ia tetap sah diperlakukan bersama-sama dengan wang kertas baru ini.

Menurutnya, wang kertas baru RM50 itu sebelum ini dikeluarkan pada Disember 2007 bersempena dengan Ulang Tahun Ke-50 Kemerdekaan Malaysia.

Namun siri baru ini tidak lagi mempunyai logo sambutan jubli emas kemerdekaan negara.